

# TIPS MEMANJANGKAN JANGKA HAYAT BATERI KOMPUTER RIBA

**Penulis :** Azlina binti Ali

**Jawatan :** Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

**Bahagian :** Unit Pengurusan Portal, Bahagian Pengurusan Portal dan E-Pembelajaran, Seksyen Sistem Maklumat

Bateri komputer riba akan menyusut prestasinya setelah mencapai 2 tahun. Jika bateri anda masih mampu bertahan lebih daripada tempoh tersebut, ianya merupakan bonus dan anda tidak perlu membuang duit untuk membeli bateri yang baharu.

[Microsoft](#) telah membuat analisis kaitan antara perkakas, penggunaan tenaga dan bateri. Berikut merupakan peratusan perkakas yang banyak menyusutkan bateri semasa menggunakan komputer riba:



Oleh yang demikian, [Teknomasi](#) ada beberapa cadangan kepada pengguna komputer riba supaya dapat mengoptimumkan penggunaan bateri dalam tempoh yang lebih lama.

Selain perkakas yang dinyatakan di atas, terdapat satu perkara lagi yang tidak difokuskan iaitu penggunaan perkakas tambahan seperti tetikus USB, pemain DVD luaran, cakera keras luaran

dan sebagainya. Hal ini kerana penggunaan perkakas tambahan akan mempercepatkan lagi proses 'pembunuhan' bateri sesuatu komputer riba.

Jadi, bagaimanakah cara ideal untuk menangani permasalahan ini?

## 1. Ubah tetapan pelan bateri

(a) Klik *Start > Control Panel > System and Security > Power Options > Power Saver*

### Select a power plan

Power plans can help you maximize your computer's performance or conserve energy. Make a plan active by selecting it, or choose a plan and customize it by changing its power settings. [Tell me more about power plans](#)

Preferred plans

- Balanced (recommended)** [Change plan settings](#)  
Automatically balances performance with energy consumption on capable hardware.
- Power saver** [Change plan settings](#)  
Saves energy by reducing your computer's performance where possible.

Hide additional plans


- High performance** [Change plan settings](#)  
Favors performance, but may use more energy.

Tips memanjangkan jangka hayat bateri komputer riba | Teknomasi

Apabila tiada sebarang aktiviti, paparan akan dipadamkan untuk menjimatkan kuasa.

Untuk pengguna berat atau tempoh masa yang lama:

(b) Klik *Start > Control Panel > System and Security > Power Options > Power saver > Change plan settings > Change advanced power settings*



Maksimumkan hayat bateri dengan cara mengubah tetapan cakera keras supaya cepat dipadamkan, menggunakan kuasa yang rendah untuk penyesuaian wireless, pemproses dan khususnya grafik kad anda.


Selain itu, tentukan juga di bahagian *Processor power management*:

- *Minimum processor state: On battery (5%), Plugged in (5%)*
- *Maximum processor state: On battery (70%), Plugged in (100%)*

lainya akan mengawal laju-perlahan kipas pemproses berdasarkan suhu seterusnya membantu mengurangkan susutan nyawa bateri.

## 2. Ubah tetapan kadar kecerahan LCD


Berdasarkan carta pai di atas, lebih kurang separuh penyusutan bateri disebabkan oleh panel LCD. Oleh itu ubah atau rendahkan kadar kecerahan skrin. Kemudian, tutup fungsi screen saver dan Aero glass



(a) Klik kanan pada latar belakang > *Personalize*

(b) Pilih tema di bahagian *Basic and High Contrast Theme* dan *Screen saver: None*

### 3. Memaksimalkan penggunaan kuasa pada perkakas



Tutup peranti yang tidak digunakan seperti wireless, bluetooth, kamera web dan lain-lain lagi yang seumpama dengannya. Lakukan secara manual di *Control Panel*. Peranti yang terpasang akan menyusutkan hayat bateri.

Pastikan juga ram yang ada mencukupi untuk melakukan tugas tertentu. Sekiranya anda selalu melakukan pelbagai tugas pada satu-satu masa atau *multitasking*, ram sangat mempengaruhi prestasi. Contohnya, melayari internet, dengar lagu dengan Windows Media Player, menaip dengan Microsoft Word dan memuat turun video sekaligus. Ram 2GB adalah keperluan minimum manakala 4GB adalah standard hari ini.

### 4. Tutup servis dan proses yang beroperasi secara tidak langsung

Kemas kini Windows secara automatik, pencarian fail, *Aero Glass*, *desktop gadget* dan sebagainya menggunakan bateri secara tidak langsung. Oleh itu, anda perlu menghalang servis dan proses yang tidak diperlukan. Sekiranya mahu cara mudah untuk menanganinya, muat turun dan pasang sahaja [Aerofil](#). Pasti membantu.

### 5. Gunakan mode hibernasi apabila perlu

Mode ini akan membenarkan komputer riba mengurangkan penggunaan kuasa sekiranya tidak menggunakan komputer riba seketika. Jika lebih daripada sejam, gunakan Sleep.

## 6. Cegah daripada haba dan kepanasan



Haba dan persekitaran panas boleh memendekkan hayat sesebuah bateri dalam jangka masa yang panjang. Gunakan pad penyejuk yang berjenama seperti Cooler Master dan Zalman untuk menyejukkan komputer riba yang digunakan.

Dalam situasi yang lain pula, binaan model Compaq CQ40 pernah dikritik hebat oleh pengguna kerana cepat panas walaupun baru menggunakan selama 10 minit. Dikatakan bahawa susunan perkakasan dalaman yang tidak kemas oleh jurutera menyebabkan udara panas tidak dapat dikeluarkan dengan efektif. Secara peribadi, model Asus terkini menggunakan teknologi yang tersendiri untuk menyejukkan sistem sekalipun lama digunakan.

Kemudian, pastikan arah udara panas keluar dari arah mana sama ada bawah ataupun tepi. Jikalau udara keluar dari bawah, maknanya anda memerlukan pad penyejuk. Juga, anda tidak boleh menggunakan komputer riba di atas katil kerana dikhuatiri udara panas terperangkap atas tilam dan menyebabkan haba terkumpul.

Semua tips yang dikemukakan hanya sebagai cadangan semata-mata. Keberkesanannya bergantung kepada pelbagai faktor.

Sumber : <http://teknomasi.blogspot.my/2010/06/tips-memanjangkan-jangka-hayat-bateri.html>